

# Cukai import rokok, arak mungkin naik

**Serdang:** Cukai import rokok dan arak mungkin akan dinaikkan pada pembentangan Belanjawan 2020 selepas ia tidak dinaikkan dalam tempoh 15 tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, syor berkenaan antara inti pati penting yang diteliti pihaknya untuk dicadangkan kepada Kementerian Kewangan.

“Itu juga antara cadangan Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC),” katanya selepas merasmikan Konvensyen Kesedaran Persekitaran Bebas Amalan Merokok di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Konvensyen itu diadakan sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2019.

Dalam pada itu, Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan hanya menerima 304 aduan berkaitan perokok yang merokok di restoran dan premis makanan selepas kerajaan menangguk-

kan penguatkuasaan larangan bahan itu.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya menerima 15,828 aduan sepanjang tempoh 31 Disember tahun lalu hingga 29 Mei lalu.

“Trend penurunan sangat drastik iaitu hanya 304 aduan mulai 20 Mei hingga 2 Jun lalu.

“Mungkin orang ramai melihat tiada apa-apa kesan kerana itu semakin sedikit aduan yang diterima ataupun kesedaran perokok sudah semakin baik,” katanya.

Menurutnya, 28,765 notis amaran dikeluarkan sejak 31 Disember tahun lalu hingga 2 Jun lalu dengan 108,504 premis diperiksa dalam tempoh sama.

“Saya ingin tegaskan bahawa penguatkuasaan larangan merokok di semua restoran dan premis makanan tetap akan dikuatkuasakan serta-merta pada 1 Januari 2020. Tiada lagi penangguhan,” katanya.